



KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku Ultra Qalif #7 Pahlawan Abuja

PTS Media Group akan menerbitkan sebuah lagi komik yang ditulis oleh pekomik terkenal, iaitu Bophairy. Nama itu adalah satu nama yang tidak asing lagi dalam dunia komik. Beliau mula serius melukis komik sekitar tahun 2002. Antara komik lain bersama PTS adalah Ultra Qalif #1 hingga #6, Opie dan Jaja, dan Hantu Komik. Pencapaian terbaik beliau adalah:

- Anugerah Pekomik 2011 kategori komik baru terbaik (Ultra Qalif 1)
- Anugerah Komik M 2012 kategori Komik Superhero Terbaik (Ultra Qalif Kuasa Baru)
- Pemenang IPCC 2014 kategori Komik

Buku Ultra Qalif ini adalah buku siri bestseller Komik-M. Buku ini mempunyai pengikut setianya dalam kalangan pelajar sekolah. Ini kerana, tema superheronya yang mengangkat seorang remaja sekolah yang lemah menjadi wira penegak keadilan. Walaupun ia sebuah komik fiksyen, tetapi penulis cuba menghubungkan cerita ini dengan pembaca.

Watak-watak kegemaran dalam komik ini adalah watak Qalif dan Atuk Abah kerana hubungan atuk dan cucu sangat unik. Atuk abah juga seorang atuk yang cool. Ada masa dia suka berebut bermain permainan video dengan Qalif dan ada masa dia akan tegas dalam mendidik.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my